

05 JUL 2001

MAHATHIR-ISLAM

SAINS ADA TEMPAT DALAM ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terdapat keperluan untuk mengubah persepsi bahawa sains tidak ada kena mengena dengan agama, khususnya Islam.

Dengan menimbang dan menggunakan sains sebagai sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan, orang-orang Islam akan menjadi cukup berinovasi untuk mencari jalan dan cara untuk melindungi ummah, katanya.

Bercakap di Konvensyen Sains 2001 anjuran Institut Ibnu Sina (IIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di Seri Kembangan, dekat di sini, beliau menggesa orang-orang Melayu yang beragama Islam, untuk memberi lebih penekanan dalam kajian sains dan mempunyai pemikiran ingin tahu.

Dr Mahathir menegaskan bahawa peranan sains adalah penting untuk pembangunan semasa dan masa depan negara.

Beliau memaklumkan bahawa negara-negara maju membelanjakan banyak wang dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bagi negara-negara membangun, walaupun tidak banyak yang boleh mereka belanjakan, mereka masih boleh menjalankan R&D dan mendapatkan keputusan yang baik sekiranya R&D dilakukan dengan sistematik.

Sementara itu ketika sesi dialog dengan para peserta konvensyen yang kebanyakannya saintis Islam, Perdana Menteri berkata kerajaan akan menimbang pemberian peruntukan yang perlu bagi menjalankan penyelidikan sains.

Tentang dakwaan bahawa peruntukan itu cenderung ke arah sains gunaan bukannya sains asas, beliau berkata kerajaan membuat keputusan mengikut cadangan yang diberikan.

Mengenai keperluan untuk menubuhkan lebih banyak makmal bagi menjalankan penyelidikan, beliau berkata beliau bersetuju dengan syor itu, tetapi cadangan mesti datang dari para saintis itu sendiri.

Sementara itu, IIS UTM turut menyerahkan kertas kerja yang menggariskan strategi yang perlu ditimbang untuk memajukan Kajian Sains Angkasa di Malaysia.

Dokumen itu diserahkan kepada Dr Mahathir.

Mengikut kertas kerja itu, strategi dengan cadangan perbelanjaan kira-kira RM94.0 juta akan dilaksanakan dalam beberapa fasa dalam tempoh 10 tahun akan dari 2001 hingga 2010.

Fasa I (2001-2005) menekankan pembangunan sumber manusia dan kepakaran menerusi penyelidikan sains angkasa, manakala Fasa II (2006-2010) akan menumpu kepada aplikasi kepakaran dan pengalaman dalam teknologi aeroangkasa, pembinaan, pembuatan dan perhubungan.

Dalam Fasa III (2010-2020), Malaysia akan bersedia dengan bilangan pakar dan sumber manusia yang mencukupi untuk membina, melancar dan mengawal satelit ke angkasa untuk pelbagai fungsi dari tujuan komersial hingga kepada ketenteraan.

Tiga bidang penyelidikan asas yang akan dilaksanakan dalam Fasa I dan II termasuk sains udara, fizik dan kimia angkasa, dan perhubungan angkasa. Tiga bidang ini mencakupi 34 projek penyelidikan.

Sejumlah RM60 juta diperlukan untuk menyempurnakan pelaksanaan projek bagi tempoh lima tahun, manakala pembelian am kelengkapan tertentu menelan belanja RM19.0 juta dan pembinaan makmal penyelidikan saing angkasa RM15.0 juta. -- BERNAMA

SHO FR JR